PROJEK	**CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH.**
MESYUARAT	Mesyuarat Tapak No.9
TARIKH	8 Mac 2021 (Isnin)
MASA	10.30 pagi
TEMPAT	Aplikasi Skype (Dalam Talian)

KPKT

MESYUARAT TAPAK NO.9

MAKLUMAT KONTRAK KERJA

KONTRAKTOR : REMT Utama Sdn Bhd

KONTRAK No : KPKT/CPPP/JBPM/14/15/2019

HARGA KONTRAK : RM 6,305,978.26

TEMPOH KONTRAK : 18 Bulan / 546 Hari (546 Hari + 114 hari EOT No.1)

TARIKH MULA KERJA : 12hb November 2019

TARIKH SIAP KERJA : 10hb Mei 2021 (1 September 2021 - EOT No.1)

Pemilik Bangunan / Pengguna:
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Sabah
Jalan Lintas Likas,
Beg Berkunci 30,
88990 Kota Kinabalu, Sabah.

Agensi Pelaksana:
Pejabat Wilayah 6,
Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP,
Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kontraktor:
REMT UTAMA SDN BHD (*REMT*)
Ground Floor, Lot 20,
Grace Square,
Jalan Pantai Sembulan,
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Arkitek:
NOOR IZWAN ARCHITECT (*NIA*)
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4,
Metro Town, Jalan Lintas,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding C&S:
AKTIF FA KONSULT SDN BHD (*AFK*)
Lot 17 & 19, 2nd Floor, Block C,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88859 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding M&E:
JURUTERA PERUNDING INTELEK SDN BHD (*JPI*)
No. 22-2, 2nd Floor, Block D, Lorong Plaza Kingfisher 6, Plaza Kingfisher,
Kuala Inanam Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Ukur Bahan:
PQS SETIA KONSULT (*PQS*)
Shop No. 1-2, 2nd Floor, Block B,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

SENARAI KEHADIRAN

NAMA	JABATAN/SYARIKAT	NO. TEL
1. En. Mohd Arzaleigh Abd Rahman (Pengerusi)	CPP/W6/KPKT	088-210153
2. En. Jeremy Jeffery Gunis	CPP/W6/KPKT	088-210153
3. En. Muhamad Safarin Yahaya	CPP/W6/KPKT (M)	088-210153
4. En. Mohd Riza Bin Ali	CPP/W6/KPKT (E)	088-210153
5. En. Effendy Bin Mohd Yamin	CPP/W6/KPKT	088-210153
6. Pn. Muliaayu Binti Ramli	UKE/KPKT	
7. Ar. Noor Izwan Bin Rahim	Noor Izwan Architect (NIA)	012-3218905
8. En. Syahril Bin Mohd Ariffin	Noor Izwan Architect (NIA) - IOW	011-27640850
9. En. Isaac Chok	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK)	016-9961090
10. En. Oh Kok Thu	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK) - ARE	012-8663113
11. Ir. Sherman Bin Daim	Jurutera Perunding Intelek S/B (JPI)	019-8602398
12. En. Abdul Aziz Bin Limat	Jurutera Perunding Intelek S/B (JPI) - IOW	016-826 9409
13. En. Sharman Sharif	PQS Setia Konsult (PQS)	010-9513639
14. Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	016-8353423
15. En. Ronny Bin Lesa	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	011-36467021
16. En. Ahmad Khairy Bin Mohd Yasin	REMT Utama Sdn Bhd (REMT) - SSS	013-8182879

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN</th><th>TARIKH</th><th>CATITAN</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td>UCAPAN PENGERUSI</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Tuan Pengerusi En. Mohd Arzaleigh Abd Rahman mengalu-alukan kehadiran semua pihak dalam mesyuarat ini.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>En. Muhamad Safarin Yahaya dari KPKT mencadangkan Minit Mesyuarat Tapak No.8 bertarikh 8 Februari 2021 disahkan dan cadangan tersebut telah disokong oleh En. Sherman Bin Daim dari Jurutera Perunding Intelek dengan pindaan seperti berikut:

3.1.1
Tuan Pengerusi tidak bersetuju dengan peratusan kemajuan kerja fizikal sebanyak 60.00% yang dibentangkan pihak REMT dan berpendapat kemajuan sebenar di Tapak dianggarkan tidak melebihi 20.00% sahaja.

4.3.6
JPI mengesahkan telah menerima kelulusan bahan bagi Paip Sanitari daripada Unit Mekanikal W6.</td><td>Makluman

Makluman

Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>LAPORAN KEMAJUAN KERJA</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.1</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.13 (EOT no.1) yang dibentangkan dalam mesyuarat, REMT melaporkan kemajuan kerja di tapak bina sehingga 5 Mac 2021 seperti berikut:

<table><tr><th>Kerja Fizikal (Jadual)</th><th>Kerja Fizikal (Sebenar)</th><th>Maju / Lewat</th></tr><tr><td>71.00%</td><td>61.00%</td><td>-10.00%
(55 Hari)</td></tr></table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.2</td><td>Tuan Pengerusi tidak bersetuju dengan kemajuan fizikal yang dibentangkan dan berpendapat kemajuan sebenar hanya mencapai 21% disebabkan ketidakcekapan pihak REMT menggunapakai perisian Microsoft Project. REMT diminta untuk mengkaji semula dan membuat pembetulan ke atas peratusan kemajuan ini.</td><td>REMT</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.3</td><td>REMT memaklumkan kerja-kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan di Tapak adalah:

i) Prefabricated Vertical Drain (PVD)
ii) 1st floor beam, slab & RC Staircase (Blok Utama)
iii) Roof beam & RC Gutter (Rumah Sampah)
iv) Ground Beam (Stor Logistik)
v) Pile Caps dan RC Stump (Menara Latihan)
vi) Pad Footings dan RC Stump (Rumah Pam)
vii) Internal Cold Water Plumbing dan electrical services (M&E works)</td><td>Makluman/
REMT</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.4</td><td>REMT melaporkan Kemajuan Kewangan Projek adalah seperti berikut:

<table><tr><th>Status Kewangan Dijadualkan</th><th>Status Kewangan Sebenar</th><th>Maju / Lewat</th></tr><tr><td>19.13%
RM1,206,333.64</td><td>11.53%
RM727,079.29</td><td>-8.41%
RM530,332.77</td></tr></table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.5</td><td>REMT mengambil maklum untuk memastikan gambar Laporan Kemajuan diperincikan dengan maklumat tarikh dan penerangan yang jelas.</td><td>Makluman</td><td>08/12/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.6</td><td>REMT perlu segera kemukakan cadangan bahan bagi incoming cold-water piping untuk kelulusan.</td><td>REMT</td><td>08/12/2020</td><td></td></tr>
</table>

3.2	**PROGRAM KERJA**			
3.2.1	Tuan Pengerusi arahkan REMT untuk kemukakan semula Program Kerja asal tanpa info *tracking* dan *baseline* untuk semakan disebabkan kemungkinan berlaku kesilapan yang mendorong dapatan peratusan kemajuan fizikal tidak tepat.	REMT		
3.3	**AUDIT KESIHATAN, KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN SEKURITI**			
3.3.1	En. Khairi membentangkan laporan *Safety and Health Report* bulanan dan akan mengemukakan salinan laporan kepada W6.	Makluman		
4.0	**STATUS KERJA PERUNDING**			
4.1	**ARKITEK**			
4.1.1	REMT memaklumkan akan mengemukakan cadangan kos lanskap pada 12 Mac 2021 berdasarkan lukisan yang disediakan oleh NIA untuk pengesahan rekabentuk dan kos oleh USB dan JBPM.	REMT	05/02/2021	
4.1.2	REMT maklumkan akan mengemukakan cadangan bahan dan pembekal (pilihan ke 2) bagi *Metal Door Frame* dan *Sanitary Fittings* pada 9 Mac 2021.	REMT	05/02/2021	
4.1.3	NIA meminta pihak REMT untuk segera mencadangkan pembekal dan kos harga *compartment* memandangkan kelulusan perubahan rekabentuk telah diperolehi daripada USB pada 30 September 2020 dan bagi mengelak kelewatan pengemukaan KPK oleh pihak PQS.	REMT		
4.1.4	REMT diminta untuk mengkaji dan memaklumkan tarikh baharu untuk memulakan kerja-kerja arkitektur disebabkan kelewatan kemajuan fizikal yang berlaku bagi memudahkan perancangan dan pemantauan kelulusan bahan.	REMT		
4.2	**KEJURUTERAAN AWAM & STRUKTUR**			
4.2.1	AFK memaklumkan berhubung status kelulusan Pelan Kejuruteraan yang dikemukakan kepada PBT seperti berikut: <u>MSMA</u> Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019. - Ulasan berkaitan aras daripada JPS, JPS Beaufort tiada halangan dengan aras bangunan seperti pada pelan kejuruteraan. - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Beaufort pada 30 November 2020 berhubung kedudukan *final water discharge outlet.* W6 mengesahkan untuk kekal di kawasan ini dan AFK akan kemukakan surat kebenaran tersebut kepada JPS. - Ulasan berkaitan *drainage*, AFK telah kemuka surat kali ke 2 pada 24 Februari 2021 kepada JKR bagi mendapatkan kebenaran ke atas ketiga-tiga *entrance culvert* yang terletak di kawasan rizab jalan. Maklum balas JKR belum diperolehi. <u>ESCP</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Berdasarkan ulasan JPS, AFK telah kemukakan Pelan Lokaliti terkini JPBW dan Jabatan Tanah & Ukur berserta salinan *softcopy* dan masih menunggu kelulusan. - 1 set pelan *hardcopy* telah dikemukakan pada 5 Februari 2021 untuk semakan awal pihak JPS sebelum dikemukakan kepada UKAS untuk ditandatangan.	AFK Makluman Makluman JKR JPS JPS	03/12/2019	

	<u>Sistem Retikulasi</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019. - Belum terima sebarang ulasan daripada JANS. JANS perlu memaklumkan kos penyambungan paip (*contribution fees*). Surat kali ke 2 dikemukakan pada 24 Februari 2021 dan masih menunggu maklum balas.	JANS		
	<u>Jalanraya</u> Akan dikemukakan kepada JKR Beaufort sebaik Pelan Jalan Raya disahkan dan ditandatangan oleh UKAS KPKT. - Isu *turning radius* di Akses Utama telah diselesaikan, 5 set pelan telah dikemuka kepada UKAS untuk ditandatangan. - UKAS hanya memulangkan 1 set pelan dan AFK perlu maklum segera kepada UKAS berhubung isu ini.	UKAS AFK		
	<u>Pembentungan</u> Telah dikemukakan kepada MDB pada 20 Dis 2019 dan diluluskan pada 17 September 2020.	Makluman		
4.2.2	AFK memaklumkan bahawa lukisan *covered drainage* (kedalaman melebihi 600mm) telah diserahkan kepada PQS untuk semakan penambahan kos dan permohonan perubahan kerja akan dikemukakan kepada UKUB pada 17 Mac 2021.	PQS	12/10/2020	
4.2.3	Tuan Pengerusi meminta AFK untuk mengemukakan secara bertulis kepada W6 berhubung mana-mana kelulusan yang belum diterima dari PBT dan W6 akan mengemukakan surat kepada PBT yang berkaitan bagi mempercepatkan proses.	AFK		
4.2.4	AFK mengesahkan telah mengemukakan cadangan penyelesaian ke atas isu 2 *piling point* di Menara Latihan kepada REMT. REMT bersetuju dengan cadangan tersebut dan kerja pembaikan sedang dilaksanakan. Sebarang kos pembaikan kerja ditanggung sepenuhnya oleh pihak REMT.	AFK	08/12/2020	
4.3	**KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL**			
4.3.1	JPI melaporkan SESB HQ telah hadir ke Tapak pada 18 Januari 2021 bagi menentukan penambahan ketinggian tiang serta kabel elektrik di tiga akses tapak. 3 pilihan telah dicadang oleh pihak SESB: i) Tinggi tiang 10m dan *lay* ABC 33kV & 11kV baharu. ii) Kabel Bawah Tanah 33kV & 11kV (*open cut*). iii) Pindah ke bahagian belakang, *lay* abc 33kV & 11kV dan tanam tiang 10m. Item (i) dan (ii) adalah tertakluk kepada kelulusan JBPM kerana melibatkan kawasan tanah pihak JBPM. W6 bersetuju untuk cadangan *over head cable* di ketiga-tiga akses bagi mengurangkan implikasi ke atas penambahan kos. JPI perlu rujuk dan dan mendapatkan pengesahan SESB.	JPI	03/03/2020	
4.3.2	JPI mengesahkan telah menerima (7 Januari 2021) 2 pilihan pembekal *trailer genset* daripada REMT. Pilihan pertama dipersetujui namun REMT perlu mendapatkan dokumen tambahan (sijil Suruhanjaya Tenaga dan Alam Sekitar) daripada pembekal. JPI perlu nyatakan secara bersurat kepada REMT berhubung tempoh yang diberi kepada REMT seperti dimaklum oleh UKE KPKT.	JPI/ REMT	03/03/2020	
4.3.3	JPI memaklumkan semakan berhubung *contribution cost* untuk permohonan bekalan elektrik akan dibuat dan PD9 *Form* perlu dikemukakan semula kepada SESB Beaufort pada 10 Mac 2021.	JPI	03/03/2020	

4.3.4	JPI melaporkan telah mengemukakan pelan berkaitan lokasi dan jumlah lampu jalan (termasuk lampu sediada) untuk ditandatangani pihak JBPM HQ pada 15 Januari 2021 sebelum dimajukan kepada MDB untuk penilaian dan kelulusan. Pelan masih pada pihak JBPM.	JPI	06/07/2020	
4.3.5	JPI masih menunggu sebut harga daripada pihak pembekal *Roller Shutter* (SKB Shutters Manufacturing S/B) untuk penilaian memandangkan kos yang melebihi harga kontrak. JPI juga mengesahkan menerima arahan bertulis daripada pihak Unit Mekanikal W6 untuk membuat semakan semula harga.	JPI	04/02/2020	
4.4	**UKUR BAHAN**			
4.4.1	PQS memaklumkan bahawa PHK bagi 8 cadangan penambahbaikan (perubahan) rekabentuk daripada NIA telah dikemukakan kepada UKUB pada 4 Mac 2021 dan masih dalam semakan.	PQS	05/02/2021	
4.4.2	PQS melaporkan permohonan dan kelulusan perubahan kerja serta perubahan kos terlibat seperti berikut:			

Bil	Perubahan Kerja	Tarikh Kelulusan	Kos Terlibat	Status	
1	Blok Pencawang SESB **(JPI)**	KPK - APK -	Tambahan kos sebanyak RM17,940.00	PQS telah kemuka permohonan KPK (No.1) kepada UKUB pada 22 Januari 2021.	UKUB
2	Blok Utama **(NIA / AFK)**	KPK - APK -	Tambahan kos sebanyak RM124,032.80	PQS telah kemuka permohonan KPK (No.2) kepada UKUB pada 22 Januari 2021.	UKUB
3	Rumah Pam **(AFK)**	KPK - APK -	Tambahan kos sebanyak RM8,913.00	PQS telah kemuka permohonan KPK (No.3) kepada UKUB pada 22 Januari 2021.	UKUB
4	Tempat Parkir Kereta Berbumbung **(NIA / AFK)**	KPK - APK -	Tambahan kos sebanyak RM11,059.70	PQS telah kemuka permohonan KPK (No.4) kepada UKUB pada 22 Januari 2021.	UKUB
5	Menara Latihan **(AFK)**	KPK - APK -	Tambahan kos sebanyak RM21,449.77	PQS telah kemuka permohonan KPK (No.5) kepada UKUB pada 22 Januari 2021.	UKUB
6	Akses baharu ke Kuarters sediada. **(NIA / AFK)**	KPK - APK -	Tambahan kos sebanyak RM209,113.50	PQS akan dapatkan KPK yang telah disahkan oleh W6 pada 9 Mac 2021 dan majukan kepada UKUB.	PQS

	7	Rumah Sampah **(AFK)**	KPK - APK -	Pengurangan kos sebanyak RM2,702.98	PQS akan dapatkan KPK yang telah disahkan oleh W6 pada 9 Mac 2021 dan majukan kepada UKUB.	PQS		
	8	*PPE Compartment* **(NIA)**	KPK - APK -	Perubahan kos sedang disemak oleh PQS.	REMT perlu kemukakan cadangan kos untuk semakan PQS bagi permohonan KPK.	REMT		
4.5 4.5.1	**LAPORAN KAWALAN KUALITI PERUNDING** Perunding membentangkan laporan bagi setiap disiplin untuk makluman mesyuarat dan akan mengemukakan salinan laporan melalui emel kepada W6.					Makluman		
5.0	**HAL-HAL LAIN**							
5.1	Tuan Pengerusi meminta NIA untuk merujuk kepada USB berhubung status penyediaan lukisan papan tanda. W6 akan mengemukakan surat kepada JBPM berhubung status penyediaan lukisan *loose furniture*.					NIA/ W6		
5.2	REMT perlu mengemukakan bukti penutupan pejabat pada 1 hingga 26 Februari 2021 kepada W6 seperti surat pengesahan pekerja yang dijangkiti covid-19 daripada KKM.					REMT		
5.3	UKE KPKT membangkitkan isu permohonan kelulusan bahan elektrikal yang masih belum diterima. JPI perlu segera kemuka pengesyoran berdasarkan cadangan REMT.					JPI/ REMT		
6.0	**PENUTUP**							
6.1	Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan memohon kerjasama semua pihak untuk mengambil tindakan selanjutnya bagi perkara-perkara yang telah dibincangkan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari dan mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.					Makluman		

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH : **TARIKH :** 9 Mac 2021



.....

Ar. Noor Izwan Bin Rahim
Prinsipal
Noor Izwan Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH: **TARIKH:**

.....

Jeremy Jeffery Gunis
Penolong Pengarah,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :**

.....

Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan